

**KENYATAAN YANG DIPERTUA**  
**MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**  
**MESYUARAT MAJLIS PENUH**  
**31 JULAI 2019**

---

**1. SELAMAT MENYAMBUT HARI RAYA AIDIL ADHA**

Dikesempatan ini saya ingin mengucapkan selamat menunaikan fardhu haji kepada staf MPSP dan semua muslimin dan muslimat yang akan ke Tanah Suci bagi mengerjakan Haji pada tahun ini. Semoga Allah S.W.T. menerima ibadah haji yang dilaksanakan oleh mereka dan memperoleh haji yang mabrur. Saya juga ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil Adha kepada semua umat Islam yang akan menyambutnya pada 11 Ogos 2019 (Ahad). Oleh itu, keesokan harinya merupakan hari kelepasan am. Saya menyeru kepada semua pemandu yang memandu jarak jauh supaya berhati-hati semasa memandu, pastikan kenderaan berada dalam keadaan yang baik dan berhati-hati semasa di jalanraya.

## 2. ANUGERAH EMAS PROJEK SPARK

Projek SPARK (Sistem Amaran Paras Air Kawalan Banjir) adalah merupakan salah satu projek Smart City Seberang Perai. MPSP telah berjaya mendapat Anugerah Emas dan Pengiktirafan Industri 4.0 dalam Konvensyen *Team Excellence* Wilayah Sarawak dan Sabah Tahun 2019 bagi Kategori Inovasi Produk pada 25 Julai 2019. SPARK berfungsi untuk mengesan paras ketinggian paras air melalui *ultrasonic sensor* dan menghantar maklumat melalui peranti GSM (*sim card*) ke *server* dan akan memproses data. Data yang diperolehi akan menghantar maklumat kenaikan paras air melalui emel dan SMS kepada pegawai bertugas.

MPSP dapat menjimatkan kos kerja lebih masa dengan mengoptimumkan tenaga kerja bagi tujuan pemantauan rumah pam. Pekerja tidak perlu berada di rumah pam setiap masa dan boleh melakukan kerja-kerja *civil* lain di luar rumah pam.

## 3. MPSP CAR FREE MORNING PADA 4 OGOS 2019 (AHAD)

Dimaklumkan bahawa program sihat MPSP akan diadakan pada 4 Ogos 2019 (Ahad) di Jalan Todak 2 dan 3, Seberang Jaya bermula 7.30 pagi hingga 12.00 tengah hari. *Car Free Morning* pada bulan ini menganjurkan *Beyblade Burst Tournament* yang

terbuka kepada kategori bawah 15 tahun. Terdapat pelbagai aktiviti yang menarik antaranya aktiviti zumba, permainan kanak-kanak (*kid's zone*), pemeriksaan kesihatan, jualan barangan *upcycle* dan banyak lagi aktiviti menarik.

#### **4. UCAPAN TAHNIAH ATAS PENGANUGERAHAN KHAS**

Dengan ini saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Encik Muhamad Nasir Bin Ramli dari Jabatan Perancang Bandar (Penolong Pegawai Senibina) kerana telah menerima Penganugerahan Khas berdasarkan komitmen tinggi yang diberikan oleh beliau sebagai pelakon dan tenaga produksi teater semasa di Putrajaya.